



Barisan pensyarah dan jawatankuasa PEWARIS yang menjayakan Malam Gala Historia.

## Tema Bollywood Gegar Malam Gala Historia

Oleh Nur Fatin Syakila Baddu

Kota Kinabalu, 29 Mac - Pelajar Program Sejarah dari Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) anjur majlis makan Malam Gala Historia dengan tema Bollywood di Hotel 1Borneo Grand Ballroom.

Tema ini dikatakan menggegarkan majlis tersebut apabila majoriti pelajar dan pensyarah yang hadir mengenakan pakaianan tradisional mengikut tema yang ditetapkan.

Disoal tentang idea tema, Mohd Khairi Bin Harun, 22, berkata, "Tema Bollywood ini dibuat atas permintaan dan sokongan majoriti oleh pensyarah dan pelajar sendiri,"

Menurut pengarah majlis tersebut, majlis ini dianjurkan oleh Majlis Tertinggi Kelab Sejarah dan Warisan (PEWARIS) pelajar tahun 2.

"PEWARIS menyasarkan semua pelajar Sejarah termasuk alumni, plums master dan pensyarah-pensyarah program HA24," katanya semasa ditemui di foyer Blok Sains Sosial.

Malam Gala Historia ini turut

menyampaikan pengiktirafan dan penghargaan kepada pelajar yang cemerlang dalam akademik. Selain itu, mewujudkan semangat persaingan yang sihat dalam kalangan pelajar bagi meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Khairi berkata, "Majlis ini mencapai objektif program apabila pelajar dan pensyarah beramah mesra kerana mampu mengeratkan silaturrahim dan ukhuwah sebagai satu keluarga di program yang sama,"

Majlis ini juga mempunyai halangannya dalam usaha menyiapkan program ini agar berjalan dengan lancar.

"Sebelum majlis ini dijalankan, halangan utama yang dihadapi oleh PEWARIS ialah kesukaran mendapatkan penyertaan daripada pelajar. Walaubagaimanapun, ia dapat diatasi dengan cara yang baik dan cepat," kata Khairi .

Majlis makan malam Gala Historia telah dirancang dengan sebaik-baiknya sejak semester lepas oleh pengarah majlis dan jawatankuasa.

"Saya berharap agar pengurusan majlis sebegini dilakukan dengan lebih baik pada tahun akan datang kerana tanpa pengurusan yang bijak, sesuatu program atau majlis tidak dapat dijalankan dengan teratur," kata Nur Farahani Uddin, 22, semasa ditanya tentang pengurusan majlis makan malam Gala Historia 2015.

"Saya berpuas hati dengan majlis ini kerana ia membuka peluang kepada semua pelajar sejarah untuk beramah mesra dengan pensyarah," katanya.

"Selaku pengarah majlis, saya mengharapkan hubungan yang erat akan lebih terjalin di antara kami semua. Selain itu, sebarang bentuk pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan kepada pelajar yang cemerlang dijadikan sebagai pembakar semangat kepada kami sebagai mahasiswa agar turut cemerlang dalam bidang akademik," jawab Khairi apabila disoal tentang harapan kepada pelajar.

Majlis ini diakhiri dengan sesi fotografi bersama pelajar dan pensyarah program Sejarah, FKSW.